

# Penting sumber semula jadi terus dipulihara

## DARI KACA MATA

➔ **Profesor Madya  
Dr Shaharudin Idrus**  
Felo Kanan & Ketua Hal-ehwal  
Jaringan dan Industri (HEJIM),  
Institut Alam Sekitar dan  
Pembangunan (LESTARI), UKM



**H**ubungan langsung manusia dan alam sekitar sejak zaman berzaman dahulu mengubah landskap alam sekitar dan kehidupan penduduk muka bumi ini. Pertambahan penduduk, pembangunan penempatan secara berterusan, proses pembandaran yang begitu pesat, industrialisasi, ketidakseimbangan wilayah dan kesaksamaan serta konflik keganasan sesetengahnya membawa kepada penggunaan sumber alam secara berlebihan, berlakunya pembaziran dan tanpa berhemah, melampau serta tidak terkawal sedangkan sumber alam bersifat terhad dan mempunyai daya tampung tersendiri.

Asas kehidupan manusia selamanya akan bergantung kepada sumber semula jadi serta perkhidmatan ekosistem yang diberikannya tidak dapat disangkal lagi. Sumber semula jadi yang mempunyai daya dan had tampungan tersendiri wajar diberi perhatian jitu.

Selama ini soal kepentingan dan keselamatan makanan menjadi keutamaan kepada negara. Namun, dalam keadaan negara dilingkungi pelbagai bentuk ancaman fizikal, sosial, alam sekitar mahupun budayanya, negara berhadapan dengan persoalan lebih besar dan perlu diberi perhatian sewajarnya oleh banyak pihak, iaitu keselama-

tan modal semula jadi itu sendiri.

### Perlu perhatian rapi

Apa dimaksudkan dengan modal semula jadi itu ialah segala khazanah dan aset milik negara yang bernilai dalam pelbagai bentuk dan ukuran yang menjadi asas pembangunan negara masa kini dan akan datang. Jika diperhatikan kini tumpuan soal keselamatan hanya diberikan terhadap keselamatan makanan semata-mata sedangkan modal semula jadi membabitkan sumber-sumber hutan (kayu balak, herba liar, tumbuhan lain), mineral geologi (petroleum, emas, bauksit, besi dan sebagainya), air, udara serta semua benda bernyawa juga memerlukan perhatian rapi yang sama arasnya dengan sumber makanan negara tadi.

Semua modal semula jadi ini menyumbang kepada perkhidmatan ekosistem dalam pelbagai bentuk, kaedah dan mekanisme yang dapat menjamin kelangsungan kehidupan manusia, haiwan dan tumbuhan lain. Jika diteliti dari sudut amalan pertanian, didapati kita berhadapan dengan kadar pengeluaran makanan iaitu padi yang rendah dan terpaksa import bahan tersebut dari negara jiran seperti Vietnam dan negara Asia Tenggara lain.

Dasar keselamatan makanan dititikberatkan untuk menghadapi sebarang andaian yang mendaatang jika sekiranya pengeluar padi tidak mahu lagi membekalkan padi kepada negara ini. Namun, dalam situasi hampir serupa, hutan balak juga sedang mengalami proses degradasi melalui pelbagai aktiviti dibenarkan dan juga pen-